



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	3/4/2021	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Harimau kumbang masuk perangkap

REMBAU - Umpan seekor kambing akhirnya berjaya menarik seekor harimau kumbang masuk perangkap di Kampung Chembong Kecil di sini pada Khamis.

Haiwan itu ditangkap pada jam 8.30 pagi selepas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan memasang perangkap itu pada Selasa lepas.

Penduduk, Basri Ibrahim, 39, berkata, dia menggunakan kambing ternakannya sebagai umpan bagi membantu Perhilitan menangkap harimau terbabit selepas kali kedua melihatnya pada 29 Mac lalu.

"Kali pertama saya nampak harimau itu pada 22 Mac, jam 9 malam ia itu kira-kira 10 meter dari kawasan rumah dan kandang kambing.

"Saya membuat aduan kepada Perhilitan yang kemudian datang melakukan pemantauan serta memasang kamera di lokasi sebelum mereka mengambil tindakan memasang perangkap," katanya.



Kakitangan Perhilitan mengangkat harimau kumbang yang masuk ke dalam perangkap di Kampung Chembong Kecil pada Khamis.

Menurutnya, sejak itu dia mengambil langkah berhati-hati dan menasihatkan anaknya supaya tidak keluar malam kerana bimbang terserempak dengan harimau terbabit.

Bagaimanapun, dia bersyukur apabila haiwan itu akhirnya masuk perangkap.

"Saya pernah mendengar penduduk memaklumkan ada harimau kumbang di sini tetapi sepanjang 18 tahun menetap di sini hanya baru-baru ini saya terserempak dengan haiwan itu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan, Wan Mat Wan

Harun berkata, buat masa ini jantina, berat dan usia harimau kumbang berkenaan masih belum dapat dipastikan.

Katanya, maklumat berkenaan akan diketahui selepas haiwan itu dirawat Jabatan Veterinar.

Selain itu katanya, tangkapan haiwan berkenaan merupakan kali ketiga dilakukan oleh Perhilitan dalam tempoh kurang sebulan.

"Tangkapan pertama pada 3 Mac lalu di Kampung Ulu Nuri, Johol di Kuala Pilah kemudian diikuti Kampung Solok Baing, Kendong 24 Mac lalu juga di Rembau," katanya.